

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
(BUKIT MERTAJAM)
TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan senarai syarikat dan jumlah pinjaman setiap satu yang berjaya diluluskan melalui Skim Pembiayaan Industri Sukan serta bilangan syarikat yang berjaya menerima Geran Prihatin Insentif Sukan sebanyak RM3,000.00.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 51 kelulusan telah diberikan kepada penggiat sektor sukan dan rekreasi di bawah Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS) dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM3.295 juta. Inisiatif ini masih diteruskan sehingga penghujung tahun ini. SPIS memfokuskan kepada pengusaha-pengusaha industri sukan dan rekreasi yang terjejas daripada tanggungan kos operasi seperti

SOALAN NO : 12

bayaran sewaan tempat, bayaran gaji pekerja, bayaran bil utiliti dan sebagainya.

Manakala, bagi pelaksanaan Geran Prihatin Industri Sukan (GPIS), sehingga 31 Ogos 2021 sebanyak 1,437 telah diluluskan termasuk kelulusan bersyarat melibatkan peruntukan sebanyak RM4.296 juta. Bantuan ini dapat memberikan manfaat kepada pengusaha industri sukan dan rekreasi terutamanya operator fasiliti dan kemudahan sukan komersial seperti gimnasium, studio kecergasan, kolam renang, padang bola sepak, lapang sasaran dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, senarai lengkap syarikat yang lulus dan jumlah pinjaman mahu pun jumlah bantuan yang diterima tidak dapat disertakan kerana dikawal selia di bawah institusi perbankan memandangkan maklumat tersebut dikategorikan sebagai data maklumat peribadi organisasi yang telah diberi jaminan melalui langkah-langkah keselamatan perlindungan data melalui Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Sekian, terima kasih.